

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. TUAN WILSON UGAK KUMBONG  
[ HULU RAJANG ]

**TARIKH :** 26.11.2014

**SOALAN :**

**Tuan Wilson Ugak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status bekalan Internet/Bestarinet untuk kegunaan sekolah-sekolah dan penduduk-penduduk di kawasan pedalaman seperti di Sungai Asap, Bakun, Belaga dan di Baleh, Bahagian Kapit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 726 buah sekolah di Sarawak telah dirangkaikan dengan 1BestariNet iaitu 719 sekolah menggunakan VSAT (2 Mbps) dan tujuh (7) buah sekolah menggunakan teknologi ADSL (dengan capaian 2-4 Mbps). Manakala bagi sekolah-sekolah yang belum dirangkaikan dengan 1BestariNet, sekolah tersebut masih dibekalkan dengan capaian internet interim melalui pembekal perkhidmatan internet (ISP) sedia ada di kawasan masing-masing.

Pada masa ini, hanya sekolah-sekolah di pedalaman Sarawak yang telah dikenal pasti akan menggunakan teknologi VSAT sahaja dirangkaikan. Manakala bagi sekolah-sekolah yang dikenal pasti akan

dirangkaikan dengan capaian jalur lebar minimum 4Mbps akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat, setelah persetujuan dicapai dengan kerajaan negeri berkaitan syarat-syarat pembinaan infrastruktur telekomunikasi.

RJM158